

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 OKTOBER 2013 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bantu saintis kembali pulang	Utusan Malaysia
2.	Saintis hebat	Berita Harian
3.	Catat jualan RM3.5b	Harian Metro
4.	Bioteknologi jana RM150b	Utusan Malaysia
5.	Kerani, suri rumah antara pemenang kuiz aplikasi satelit 2013	Utusan Malaysia
6.	WIF-KL – The Future We Desire	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 21 OKTOBER 2013 (ISNIN)

MegaSains

Bantu saintis kembali pulang

Usaha majukan bidang sains dan teknologi

BAKAT-bakat saintis tempatan yang berkhidmat di luar negara wajar kembali ke tanah air bagi membantu memacu perkembangan bidang sains, teknologi serta penyelidikan di negara ini.

Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, ini merupakan cara terbaik yang dapat dilakukan kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan sains, teknologi dan inovasi yang sedang hebat pertingkatkan pada masa ini.

Beliau berkata, penubuhan Talent Corporation Malaysia (Talent Corp), sebuah agensi Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 2011 dapat membantu membawa pakar-pakar dari seluruh dunia terutamanya warga Malaysia untuk berkhidmat disini

Untuk tujuan itu katanya, Talent Corp menggunakan tiga kaedah bagi iaitu


menemui pakar-pakar tersebut yang bekerja di seberang laut dan kedua, memberi kemudahan kepada mereka untuk balik atau bekerja di negara ini "Kaedah ketiga ialah meningkatkan kemudahan bekerja dari segi peralatan berkaitan,, ujarnya.

Beliau menyatakan demikian ketika menghadiri Mesyuarat Meja Bulat ke-10 Menteri Sains dan Teknologi dari seluruh dunia di Kyoto Jepun, baru-baru ini.

Abu Bakar turut menyentuh mengenai polisi yang perlu diperbaharui untuk membolehkan pakar-pakar dari seluruh dunia berkhidmat di Malaysia

Mesyuarat tersebut yang berlangsung selama tiga hari dan dihadiri kira-kira 1,000 peserta mengangkat agenda sains, teknologi dan inovasi sebagai topik utama.

Sebanyak 21 forum selari telah diadakan dengan penglibatan 100 pakar dari seluruh dunia dengan



TIMBALAN Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah mendengar taklimat di Mesyuarat Meja Bulat ke-10 Menteri Sains dan Teknologi di Kyoto, Jepun, baru-baru ini.

membincangkan tajuk seperti kecekapan tenaga, kaedah dan sistem kitar semula air, serta bandar pintar, penemuan bahan baharu, robotik masa hadapan, inovasi sosial untuk masa hadapan, tenaga nuklear dan pendidikan sains serta teknologi pada abad ke-21.

Forum tersebut turut membincangkan tentang sains dan teknologi masa hadapan untuk manusia sejagat, tenaga dan alam sekitar serta sains dan teknologi untuk 10 tahun ke hadapan berbanding 10 tahun dulu.

Topik lain ialah mengenai teknologi

maklumat dan perhubungan, sumber dan penduduk, peranan universiti untuk abad ke-21, penyelidikan dan inovasi serta kesihatan di seluruh dunia.

Abu Bakar turut mencadangkan agar kementeriannya dapat mengadakan forum yang sama di peringkat kebangsaan sebelum forum tahunan di Kyoto diadakan pada tahun hadapan.

"Forum di peringkat kebangsaan ini penting sebagai persediaan dan untuk mengenalpasti isu yang perlu dibangkitkan di peringkat antarabangsa nanti," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 21 OKTOBER 2013 (ISNIN)



Saintis hebat

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail
@bh.com.my

» Hasil penyelidikan makanan dan bioteknologi julang nama Dr Kamariah di dalam, luar negara

Mengabdikan diri selama 29 tahun dalam bilik makmal demi menjalankan pelbagai kajian bidang bioteknologi dan makanan membuatkan saintis wanita di Pusat Penyelidikan Bioteknologi, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ini cukup puas apabila banyak produk penelitikannya mendapat hak cipta (IP) di dalam dan luar negara.

Sehingga kini, Timbalan Pengarah Program Bio-Pemprosesan dan Pegawai Penyelidik Prinsipal Kanan Gred Khas (VK7) MARDI, Dr

Kamariah Long, 54, sudah menguati 14 projek termasuk penyelidikan prapengkomersialan dan pembangunan MARDI yang semuanya berjumlah hampir RM13.6 juta.

Beliau juga menjadi orang penting kepada tujuh projek lain yang didaftarkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan tiga daripadanya projek kontrak syarikat swasta berjumlah RM7.73 juta.

Giat jalankan penyelidikan

Antara anugerah penyelidikan yang paling manis diterimanya adalah berkaitan minyak kelapa dara yang mempunyai nilai tambah (EVCO) sekali gus mendapat pengiktirafan IP di Malaysia, Jepun dan Indonesia.

Sepanjang tempoh itu, banyak anugerah kecemerlangan diraih sehingga produk hasil kajiannya mendapat permintaan di dalam dan luar negara, selain dinobatkan sebagai pakar saintis terhebat oleh Akademi Sains Malaysia, tahun lalu.



Ketika ini, Dr Kamariah sedang giat menjalankan penyelidikan mengenai tempe kacang hijau dan yogurt bukan tenusu yang dihasilkan daripada produk sampingan kelapa.

"Itulah dunia saya. Bagaimanapun, kerjaya sebagai saintis bukan bermakna 'menghambakan' diri semata-mata untuk menghasilkan produk terbaru dan hanya terperap dalam makmal, apa yang lebih penting kajian itu dapat direalisasikan. **MS2**

Biodata

© Nama: Kamariah Long

© Jawatan: Timbalan Pengarah Program Bio-Pemprosesan dan Pegawai Penyelidik Prinsipal Kanan Gred Khas di Pusat Penyelidikan Bioteknologi, MARDI.

© Mula bertugas di MARDI: 1984

© Asal: Johor Bahru

© Umur: 54 tahun

SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 21 OKTOBER 2013 (ISNIN)

O Dari MS1

"Hasil penyelidikan pertama saya yang berjaya dikomersialkan ialah minyak kelapa dara bernilai tambah tinggi dikenali sebagai EVCO dengan geran bernilai RM4.5 juta daripada MOSTI," katanya ketika ditemui FAMILI, baru-baru ini.

Beliau berkata, setiap saintis akan berhadapan dengan pelbagai persoalan dalam usaha menghuraikan setiap permasalahan dalam setiap kajiannya, namun ia menjadi minda berkembang.

Idea tak kira masa

Saintis seolah-olah 'bercinta' dengan bahan kajian sehingga berjaya menghasilkan sesuatu ciptaannya.

"Apabila idea datang tidak kira ketika sedang makan, bangun tidur, memasak, menonton televisyen dan sebagainya kerana otak akan sentiasa berfikir walaupun secara zahirnya orang melihat kita sedang melakukan pekerjaan lain.

"Lebih banyak masalah dan cabaran ketika menjalankan kajian. Perlu banyak membaca dan mencuba. Paling penting, saya tidak berhadapan dengan tekanan dan keluarga sangat memahami," jelasnya.

Baginya, dulu setiap penyelidikan dilakukan tidak difikirkan untuk dikomersialkan sebaliknya tujuannya adalah untuk menghasilkan ciptaan saja.

"Dulu saya minta geran lakukan projek dan dapatkan keputusannya. Bagaimanapun projek tidak ke mana-mana kerana kebanyakan saintis tidak dilatih untuk mengkomersialkan hasil kajian. Ketika di universiti pensyarah melatih untuk menghasilkan penyelidikan dan bukannya tujuan komersial.

"Lebih kurang 15 tahun melakukan perkara yang sama dalam erti kata 'syok sendiri'. Bagaimanapun keadaan berubah apabila saya sedar kerajaan memberikan geran yang banyak dan minta produk dikomersialkan, tetapi analisis dibuat mendapati, proses tidak ber-

'Bercinta' dengan bahan kajian

“

PERLU BANYAK MEMBACA DAN MENCUBA. PALING PENTING, SAYA TIDAK BERHADAPAN DENGAN TEKANAN DAN KELUARGA SANGAT MEMAHAMI”



Produk daripada minyak kelapa dara, hasil penyelidikan pertama berjaya dikomersialkan. (FOTO KAMARIH ZAMAN ARIFIN/BI)

Kamariah Long, Timbalan Pengarah Program Bio-Pemprosesan dan Pegawai Penyelidik Prinsipal Kanan Gred Khas MARDI

daya maju kerana memabatkan kos penghasilan yang tinggi," katanya.

Ciri-ciri saintis

Justeru, beliau tidak hairan jika ramai yang memandang rendah saintis tempatan kerana tidak mampu memberi pulangan ekonomi kepada kerajaan daripada kajian yang dilakukan itu.

"Tetapi sekarang, kerajaan sudah mengenakan syarat ketat kepada penerima geran penyelidikan terutama penyelidikangunaan, mesti ada produk dihasilkan. Jika saintis inginkan

kejayaan berganda, mereka perlu mempunyai pemikiran seperti usahawan dengan memastikan hasil kajian harus mengambil kira nilai dan pulangan kepada ekonomi negara," katanya.

Beliau menegaskan, saintis perlu ada impian untuk melihat produk kajiannya dikomersialkan dan dikenali ramai.

"Mereka perlu menjadi juara dalam proses mengkomersialkan produknya, barulah berupaya menjadikan penyelidikan sebagai sumber menjana pendapatan negara.

Semangat ini harus dipupuk pada peringkat awal supaya mereka lebih peka dengan keperluan dan masalah industri. Oleh itu, beri peluang kepada generasi muda termasuk memberi pendedahan, pengalaman dan mereka belajar secukupnya dalam

bidang ini. Beliau berharap pihak universiti berperanan penting untuk melahirkan pelajar lebih berdaya saing, kreatif, proaktif dan mempunyai minda lebih terbuka.

Komitmen kerja

Mengimbas pembabitan awal dalam kerjaya ini, Dr Kamariah berkata, beliau sering tidur lewat pagi, iaitu jam 2 hingga 3 pagi di dalam makmal.



Antara anugerah diterima Kamariah.

Bagi meningkatkan kepakaran dalam bidang itu, beliau juga melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah, selama setahun, di Westminster University London, United Kingdom.

"Bagi saya, saintis perlu membahagikan masa dengan bijak. Jika di rumah, dahulukan keluarga dan jika di pejabat, lakukan kerja pejabat kecuali ketika keemasan.

"Prinsip saya mudah. Wanita tidak akan berjaya jika

mempunyai keluarga yang huru-hara. Jika anda pulang dalam keadaan rumah yang bersepeh, anak tidak terurus, ia seakan menambakkan masalah. Oleh itu, pada saya, walau apa sekalipun yang terjadi, keluarga harus diutamakan dulu," katanya.

Malah beliau juga pernah menghabiskan masa hujung minggunya selama dua tahun semata-mata untuk memastikan anak bongsunya lulus Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) memandangkan anaknya mempunyai masalah disleksia.

"Walau apa pun jawatan yang anda pegang, dahulukan keluarga. Alhamdulillah anak saya semuanya berjaya. Yang sulung kini menjadi jurutera, kedua graduan animasi, ketiga mahasiswa bidang farmasi dan bongsu mengambil kursus seni kulineri di Amerika Syarikat," katanya.



Kamariah ingin pastikan setiap kajian dibuat dapat direalisasikan.

- INFO**
- Antara Anugerah**
- ⊙ Women Inventor of The Year oleh International Federation Inventors Association (2006).
 - ⊙ Excellent Scientist Award MARDI (2006).
 - ⊙ Excellent Service Award in MARDI (1992, 2003, 2006).
 - ⊙ Top Research Scientist oleh Akademi Sains Malaysia (2012).

Antara produk penyelidikan yang dihasilkan dan didaftarkan untuk mendapatkan hak cipta (IP)

- ⊙ **Minyak kepala dara** tambah nilai - Mendapat hak cipta di Malaysia, Jepun dan Indonesia.
- ⊙ **Minyak olein** tiada keladak pada suhu rendah - mendapat hak cipta di Malaysia.
- ⊙ **Minyak berkalori rendah** berasaskan minyak sawit.
- ⊙ **Tempe kacang hijau** yang mempunyai pelbagai fungsi kesihatan.
- ⊙ **Yogurt** bukan tenusu berasaskan bahan sampingan kelapa.



Catat jualan **RM3.5b**

■ Produk syarikat berstatus BioNexus dapat permintaan tinggi

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediapri-
ma.com.my
Kuala Lumpur

Malaysia Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotechcorp) menerusi 225 syarikat berstatus BioNexus berjaya mencatatkan perolehan jualan produk sehingga RM3.5 bilion sehingga September lalu.

Jumlah berkenaan dijangka terus meningkat sehingga hujung 2013 memandangkan keupayaan syarikat berkenaan menghasilkan produk mendapat permintaan tinggi pasaran tempatan dan luar negara.

Dalam masa sama, Biotechcorp turut berjaya menarik RM3 bilion jumlah pelaburan dalam industri berkenaan yang mana membuktikan pertumbuhan rancak industri bioteknologi tempatan di samping mencerminkan kepentingannya sebagai antara penyumbang ekonomi negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata, ketika ini 10 hingga 15 peratus da-



"Pemain industri bioteknologi di Malaysia banyak menghasilkan produk dalam segmen berasaskan pertanian"

Dr Mohd Nazlee Kamal

logi tidak mengalami kesan yang ketara kerana ia sememangnya mendapat sambutan pasaran," katanya kepada Bisnes Metro di sini, baru-baru ini.

Nazlee berkata, kebanyakan produk yang dieksport syarikat berstatus BioNexus adalah dalam kalangan negara ASEAN dan dengan janaan perolehan itu ia dijangka dapat meluaskan lagi pasaran eksport ke negara luar ASEAN pada masa depan.

"Situasi perniagaan syarikat BioNexus dijangka berkembang kukuh dengan adanya beberapa syarikat yang sebelum ini dalam kategori permulaan sudah beralih kepada firma sederhana.

"Malah, beberapa syarikat BioNexus juga kini dalam peringkat mengkomersialkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang mana ia dapat menghasilkan lebih banyak produk dalam segmen bioteknologi dari Malaysia," katanya.

ri pada syarikat berkenaan berjaya mengeksport produk mereka ke pasaran asing dan dijangka terus meningkat daripada angka itu pada tahun depan.

Beliau berkata, pemain industri bioteknologi di Malaysia banyak menghasil-

kan produk dalam segmen berasaskan pertanian dan berasaskan bahan semula jadi yang mendapat permintaan tinggi di pasaran tempatan dan asing.

"Kemampuan syarikat Malaysia menghasilkan produk-produk di dalam

segmen berkenaan membantu mereka meraih pendapatan tinggi di pasaran eksport dan memberi kelebihan kepada mereka.

"Walaupun keadaan ekonomi yang tidak stabil dan menjejaskan eksport dunia, namun, produk biotekno-

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 21 OKTOBER 2013 (ISNIN)

Sumbangan besar kepada KDNK menjelang 2020

Bioteknologi jana RM150b

Oleh NURUL HUDA HASSAN
huda.hassan@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 20 Okt. - Industri berasaskan bioteknologi menerusi pelbagai penghasilan produk dijangka mampu menyumbang sebanyak RM150 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Biotechnology Sdn. Bhd. (BioTechCorp), Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, antara produk dikenali pasti adalah menerusi bidang pertanian, penjagaan kesihatan dan perindustrian.

Menurutnya, Johor merupakan antara negeri yang dikenali pasti mampu menyumbang lebih RM10 bilion kepada KDNK negeri ini menjelang tahun 2020 menerusi industri tersebut yang kini sedang berkembang pesat.

"Johor dilihat bakal menjadi pengeksport utama produk berasaskan bioteknologi sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara menjelang 2020," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara BioTechCorp dan Johor Biotechnology & Biodiversity Corporation (J-BioTech), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif J-BioTech, Wan Amir Jeffrey Wan Abdul Majid.

Mohd Nazlee berkata, sehingga September 2013, Johor sudah menerima pelaburan berkaitan bioteknologi sebanyak RM1.3 bilion merangkumi pelaburan menerusi Program Pelaburan Bioekonomi dan Taman Bio-Xcell dan Ekosistem Malaysia.



MOHD. Nazlee (dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen perjanjian kerjasama dengan Wan Amir Jeffrey Wan Abdul Majid (dua dari kanan) sambil disaksikan oleh Ketua Pegawai Operasi BioTechCorp., Razwin Sulalree Hasnan Termizi (kiri) dan Pengurus Besar J-BioTech Corp., Asman Shah Abd Rahman di Johor Bahru, semalam.

Mengulas mengenai MoU itu, beliau berkata, ia merupakan perjanjian selama tiga tahun membabitkan kerjasama kedua pihak, antara lain bagi mengenal pasti dan menambah nilai pelaburan berasaskan bioteknologi ke negeri ini.

Tambahnya, dengan kerjasama itu juga, ia secara tidak langsung dapat melengkap sekali gus menggiatkan aktiviti berasaskan bioteknologi sedia ada dan pada masa sama turut menjalankan penyeli-

dikan industri berkaitan.

"MoU itu juga dapat membantu dalam pembangunan serta mempromosi komponen-komponen bioekonomi di negeri ini. Kerjasama BioTechCorp dan J-BioTech ini dilakukan tepat pada masanya memandangkan Program Peningkatan Bioekonomi Malaysia bakal dilaksanakan tidak lama lagi dengan pembabitkan pelbagai pihak berkaitan industri itu," katanya.

Dalam pada itu, Wan Amir Je-

ffery berkata, kedua-dua pihak juga merancang untuk bekerjasama dalam melaksanakan beberapa aktiviti termasuk program membabitkan penglibatan penduduk di sesebuah kawasan.

"Sebagai contoh, kita akan cuba mengenal pasti mana-mana tanah terbiar yang dapat digunakan untuk menanam tanaman tertentu menggunakan kepakaran yang pihak kami ada sekali gus dijamin mampu membawa pulangan," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 21 OKTOBER 2013 (ISNIN)

Kerani, suri rumah antara pemenang **Kuiz Aplikasi Satelit 2013 Siri IV**

TIGA pemenang Kuiz Aplikasi Satelit 2013 Siri IV anjuran Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) bersama akhbar sisipan MEGA, Utusan Malaysia diumumkan baru-baru ini.

Artikel Siri IV mengenai kegunaan teknologi peranan industri satelit dalam pembangunan negara kelihatan mudah untuk difahami.

Kedua-dua penganjur telah memilih tiga pemenang bertuah yang mana cabutan telah diadakan di ibu pejabat ATSB di Shah Alam baru-baru ini dan disempurnakan oleh Naib Presidennya, Aziz Yusoff.

Aziz berkata, jumlah penyertaan yang semakin menggalakkan menunjukkan ramai ingin mengetahui mengenai teknologi atau aplikasi satelit.

"Untuk pemilihan pemenang Kuiz Aplikasi Satelit Minggu Ke-4 ini, kami tidak menjangka akan mendapat sambutan penyertaan yang baik kerana artikel tersebut dipaparkan sehari sebelum sambutan Aidil Adha.

"Ini jelas menunjukkan bahawa meskipun dalam suasana kemeriahan perayaan, pembaca setia MegaSains tidak ketinggalan mengikuti program-program serta rencana yang dipaparkan," katanya.

Jelasnya lagi, di samping merayakan hari lebaran, perkongsian ilmu turut dimanfaatkan bersama keluarga dan sahabat handai.

ATSB juga berharap penyertaan pembaca dapat memberi manfaat kepada mereka memahami aplikasi satelit dan sains angkasa secara umumnya sejajar dengan objektif penganjuran kuiz tersebut diadakan.

Seperti mana Siri III, penyertaan yang diterima kali ini terdiri daripada pelbagai golongan dan latar belakang dan ketiga-tiga pemenang kali layak menerima baucer Sijil Simpanan Premium (BSN) daripada ATSB.

ATSB akan menghubungi sendiri



dan menghantar hadiah kepada pemenang yang telah disenaraikan itu.

Pembaca setia MEGA Utusan Malaysia yang berminat boleh menyertainya dengan menjawab dua soalan mudah.

Soalan berdasarkan artikel yang disiarkan pada hari Isnin setiap dua minggu. Mereka diwajibkan menjawab menggunakan borang asal yang disiarkan dalam akhbar sisipan tersebut.

Kuiz terbahagi kepada dua kategori iaitu soalan dwimingguan yang mengandungi dua soalan objektif dan juga soalan terkumpul yang mana jawapannya berserta slogan perlu dihantar selepas berakhirnya Siri VI.

Soalan terkumpul juga adalah mengikut artikel yang sama dengan soalan dwimingguan tetapi jawapan perlu dihantar bersama borang khas yang akan disediakan dan disertakan dengan slogan untuk dinilai.

Oleh itu mereka perlu menyimpan soalan-soalan terkumpul sebagai rujukan yang disiarkan bersama soalan dwimingguan.

Pemenang kategori soalan dwimingguan dipilih secara rawak berdasarkan jawapan yang betul.

Maklumat lanjut mengenai kuiz tersebut boleh juga diperolehi daripada laman web www.atsb.my dan [utusan on line \(www.utusan.com.my\)](http://utusan.com.my)



AZIZ YUSOFF

Senarai pemenang siri 4

Nama	Alamat	Pekerjaan
MUHAMMAD FAHMI YAHYA	Taman Sri Rembau, Rembau, Negeri Sembilan	Guru
NORLIJAH ABDUL	Lencong Barat, Alor Setar, Kedah	Suri rumah
WAN MOHAMMED AFFIQ WAN MOHAMMED AZMI	Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor	Kerani

KERATAN AKHBAR
 THE STAR (VIEWS) : MUKA SURAT 26
 TARIKH: 21 OKTOBER 2013 (ISNIN)

CONFERENCE & EXPOSITION



WIF KL

WORLD INNOVATION FORUM KUALA LUMPUR

THE FUTURE WE DESIRE

FORUM

The World Innovation Forum Kuala Lumpur (WIF-KL) is the region's premier annual event on innovation that aspires to create a new culture of innovation, and is to be held at the epicenter of economic growth, emerging technologies and innovation in Asia, Kuala Lumpur. The event runs over three days and consists of conference, exhibition and award ceremony. The event brings together innovation leaders, policy makers, industry players, thinkers and innovators from around the world to share ideas and discusses issues related to innovation. The forum was an ideal platform for high-level stakeholders to share on experiences, as well as discuss and deliberate on issues and strategies for inclusive innovations.

EXPOSITION

The WIF-KL 2013 Exposition is a world class exposition covering the entire cycle of innovation which include grassroots, education, commercialization and integration of innovation to propel the region toward high-income, advanced economy nation.

HEADLINE SPEAKERS



Göran Persson
 Former Prime Minister of Sweden



Mark Gallagher
 Grand Prix Motor Racing Boss



Sugata Mitra
 Global Education Superstar



Morinosuke Kawaguchi
 Innovation & Competitive Strategy Consultant

12-14 NOV 2013 KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

STRATEGIC PARTNERS



MEDIA PARTNER



CALL 03-2035 5777

